



Dear Shareholders,

I am delighted to announce that despite a challenging operating environment, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam" or "the Bank") performed reasonably well during the financial year ended 30 June 2009 ("FY2009"), recording a satisfactory profit before zakat and tax ("PBZT").

Chairman's Statement **Pernyataan Pengerusi**

Pemegang Saham yang dihormati,

Sukacita saya mengumumkan bahawa Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam" atau "Bank") terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mencatat keuntungan sebelum zakat dan cukai ("PBZT") yang memuaskan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009 ("TK2009") meskipun terpaksa beroperasi dalam persekitaran yang cukup mencabar.

Chairman's Statement Pernyataan Pengerusi



In the Name of Allah, the Most Gracious, the Most Merciful

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
and "Salam Sejahtera"

More importantly, the year saw us successfully concluding our three-year Turnaround Plan. We achieved all performance targets and fulfilled all five pillars of the plan on schedule. Since the launch of the plan in October 2006, the Bank has made a notable return to profitability and built a solid foundation for a greater success.

Alhamdulillah, Bank Islam is today a transformed and more focused entity. With the right resources, market positioning and all the elements for better performance, in particular a new three-year Sustainable Growth Plan in place, we are poised to improve our competitive advantage.

On behalf of the Board of Directors, I am delighted to present the Annual Report for Bank Islam and its subsidiaries ("the Group") for FY2009.

FINANCIAL PERFORMANCE

In FY2009, the Group's total income grew 8.4% to RM1.3 billion from RM1.2 billion in the previous financial year. Non-fund based income accounted for 10.8% of total income, quite an improvement from 9.4% in FY2008. Despite the difficult domestic economic conditions, the Group registered a satisfactory PBZT of RM235.9 million although 25.6% lower than the record PBZT of RM316.9 million posted in FY2008. The lower PBZT for FY2009 was due mainly to the exceptionally high one-off financing recovery amount of RM128.0 million registered in the previous year.

The Bank was the Group's largest contributor with a PBZT of RM233.1 million or 98.8% of the Group's PBZT. One of the Bank's main subsidiaries, BIMB Foreign Currency Clearing Agency Sdn Bhd recorded a PBZT of RM4.5 million. FY2009's financial performance was encouraging as profit before allowances increased 20.8%

Lebih penting lagi, TK2009 menyaksikan kejayaan Bank menyempurnakan Pelan Pemulihan tiga tahun. Bank mencapai kesemua sasaran prestasi dan telah melaksanakan kelima-lima tunggak pelan mengikut jadual. Sejak pelan berkenaan dilancarkan pada Oktober 2006, Bank berjaya meraih kembali keuntungan dan membina asas yang kukuh untuk kejayaan yang lebih besar.

Alhamdulillah, hari ini setelah melalui proses transformasi, Bank Islam menjadi entiti yang lebih fokus. Dengan kepelbagaian sumber, kedudukan dalam pasaran dan semua elemen pendorong prestasi yang sesuai, khususnya dengan Pelan Pertumbuhan Mampan tiga tahun yang baharu, kelebihan bersaing Bank dapat ditingkatkan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Bank Islam dan kesemua subsidiarinya ("Kumpulan") bagi TK2009.

PRESTASI KEWANGAN

Pada TK2009, jumlah pendapatan Kumpulan meningkat 8.4% kepada RM1.3 bilion daripada RM1.2 bilion pada tahun kewangan sebelumnya. Pendapatan berasaskan bukan dana mencakupi 10.8% daripada jumlah pendapatan, iaitu satu peningkatan yang agak memberangsangkan berbanding 9.4% pada TK2008. Dalam suasana ekonomi domestik yang sukar, Kumpulan berjaya mencatat PBZT yang memuaskan sebanyak RM235.9 juta walaupun 25.6% lebih rendah berbanding dengan PBZT tertinggi pernah dicapai sebanyak RM316.0 juta pada TK2008. Faktor utama PBZT lebih rendah pada TK2009 adalah kutipan semula pembiayaan sekali sahaja yang luar biasa berjumlah RM128.0 juta pada tahun sebelumnya.

Bank merupakan penyumbang terbesar Kumpulan dengan PBZT sebanyak RM233.1 juta atau 98.8% daripada PBZT Kumpulan. Salah satu daripada subsidiari utama Bank, BIMB Foreign Currency Clearing Agency Sdn Bhd mencatat PBZT sebanyak RM4.5 juta. Prestasi kewangan TK2009 adalah menggalakkan di



to RM361.1 million. This came on the back of a 6.6% growth in net financing assets to RM9.7 billion and a 21.4% increase in customer deposits to RM25.2 billion.

Bank Islam's capitalisation and asset quality indicators remained strong in the year under review. The Bank's capital adequacy levels were adequately strong in FY2009 with a risk-weighted capital ratio ("RWCR") of 13.9% (FY2008: 13.1%) and a core capital ratio of 12.3% (FY2008: 11.3%). This did not take into account the fresh capital injection of RM540.0 million which was concluded in October 2009. Our RWCR is projected to strengthen further to 17.0% upon completion of the capital injection exercise.

During the financial year under review, our asset quality also improved as evidenced by the continuous decline in our net non-performing financing ratio to 4.9% (against 7.8% in FY2008). In addition, our financing loss coverage ratio improved to 80.8% (against 75.8% in FY2008).

In line with our lower PBZT, our profitability indicators such as the return on equity ("ROE") and return on assets ("ROA") dropped to 16.6% (FY2008: 27.1%) and 0.9% (FY2008: 1.5%) respectively. However, our cost-to-income ratio decreased slightly to 56.9% (FY2008: 59.6%) in spite of the Bank's continued investment for the purposes of branch remodelling, network expansion, enhancements to our information technology ("IT") infrastructure and talent development, among others.

Bank Islam's capitalisation and asset quality indicators remained strong in the year under review.

Penunjuk permodalan dan kualiti aset Bank Islam kekal kukuh pada tahun kewangan ini.

mana keuntungan sebelum peruntukan meningkat 20.8% kepada RM361.1 juta. Keuntungan ini didorong oleh pertumbuhan sebanyak 6.6% dalam aset pembiayaan bersih kepada RM9.7 bilion dan peningkatan sebanyak 21.4% dalam deposit pelanggan kepada RM25.2 bilion.

Penunjuk permodalan dan kualiti aset Bank Islam kekal kukuh pada tahun kewangan ini. Tahap kecukupan modal

Bank teguh pada TK2009 dengan nisbah modal berwajaran risiko ("RWCR") pada kadar 13.9% (TK2008: 13.1%) dan nisbah modal teras pada kadar 12.3% (TK2008: 11.3%). Kedudukan ini tidak mengambil kira modal baharu sebanyak RM540.0 juta yang selesai disuntik pada Oktober 2009. RWCR Bank mengukuh kepada 17.0% apabila suntikan modal disempurnakan.

Sepanjang tahun kewangan ini, kualiti aset Bank juga meningkat seperti yang ditunjukkan oleh penurunan yang berterusan dalam nisbah pembiayaan tak berbayar bersih kepada 4.9% (berbanding dengan 7.8% pada TK2008). Selain itu, nisbah perlindungan kerugian pembiayaan Bank meningkat kepada 80.8% (berbanding dengan 75.8% pada TK2008).

Sejajar dengan PBZT Bank yang lebih rendah, penunjuk keuntungan seperti pulangan ekuiti ("ROE") dan pulangan aset ("ROA") masing-masing menurun kepada 16.6% (TK2008: 27.1%) dan 0.9% (TK2008: 1.5%). Bagaimanapun, nisbah kos kepada pendapatan menurun sedikit kepada 56.9% (TK2008: 59.6%), meskipun Bank terus menanggung perbelanjaan, antaranya bagi pemodelan semula cawangan, pengembangan rangkaian, penambahbaikan prasarana teknologi maklumat ("IT") dan pembangunan modal insan.

Chairman's Statement Pernyataan Pengerusi



All business divisions of Bank Islam performed well in FY2009. Consumer Banking division remained the largest contributor, representing 66% or RM7.1 billion of the Bank's total financing portfolio. Our non-fund based income also increased significantly by 30.6% to RM138.6 million with contributions coming mainly from the Consumer Banking, Treasury and Corporate Investment Banking divisions.

KEY DEVELOPMENTS DURING FY2009

Despite a weak operating environment caused by the global downturn as well as intense competition within the local banking industry, I am pleased to report that Bank Islam has maintained its strong position in several Islamic banking areas. Several developments took place throughout FY2009 that helped the Bank to remain a dynamic and competitive entity.

The landmark unanimous decision by judges of the Court of Appeal on 31 March 2009 reaffirmed the validity of our Bai Bithamam Ajil ("BBA") contract as a sale transaction. This serves to further reinforce the confidence of our customers and the public at large in Bank Islam's BBA-based products and services.

Transformation Efforts Duly Recognised

Bank Islam was awarded the prestigious Platinum Award for the "Most Trusted Brand for Islamic Financial Services" in May 2009 by Reader's Digest Trusted Brands Award 2009. This was the result of our dynamic corporate rebranding, branch remodelling and business transformation initiatives as well as the introduction of innovative products and services. The Bank came out tops based on six qualitative criteria: trustworthiness and credibility, quality, value, understanding of customer needs, innovation and social responsibility.

Kesemua segmen perniagaan Bank Islam menunjukkan prestasi yang memuaskan pada TK2009. Perbankan Pengguna kekal sebagai penyumbang terbesar, iaitu mewakili 66.0% atau RM7.1 bilion daripada keseluruhan portfolio pembiayaan Bank Islam. Pendapatan berasaskan bukan dana juga meningkat dengan ketara sebanyak 30.6% kepada RM138.6 juta dengan sumbangan utama daripada bahagian Perbankan Pengguna, Perbendaharaan dan Perbankan Pelaburan Korporat.

PERKEMBANGAN UTAMA SEPANJANG TK2009

Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar akibat kemelesetan ekonomi global di samping persaingan sengit dalam industri perbankan tempatan, sukacita saya melaporkan bahawa Bank Islam telah mengekalkan kedudukannya yang kukuh dalam beberapa bidang perbankan Islam. Beberapa perkembangan sepanjang TK2009 telah membantu Bank kekal dinamik dan terus menjadi entiti yang berdaya saing.

Satu keputusan penting yang dibuat secara sebulat suara oleh hakim Mahkamah Rayuan pada 31 Mac 2009 telah memutuskan bahawa kontrak Bai Bithamam Ajil ("BBA") Bank adalah suatu transaksi jualan yang sah. Keputusan ini mengukuhkan lagi keyakinan pelanggan Bank dan orang ramai secara umum terhadap produk dan perkhidmatan Bank Islam berasaskan BBA.

Usaha Transformasi Mendapat Pengiktirafan

Pada Mei 2009, Bank Islam menerima Anugerah Platinum berprestij bagi "Perkhidmatan Kewangan Islam yang Paling Dipercayai" sempena Reader's Digest Trusted Brands Award 2009. Ini adalah hasil inisiatif penjenamaan semula korporat, pemodelan semula cawangan dan transformasi perniagaan yang dinamik serta produk dan perkhidmatan inovatif yang diperkenalkan. Bank mendapat pengiktirafan ini kerana memenuhi enam kriteria kualitatif: kebolehpercayaan dan kredibiliti, kualiti, nilai, memahami keperluan pelanggan, inovasi dan tanggungjawab sosial.



We are honoured by this recognition and wish to thank all our stakeholders for their trust, commitment, respect and support. Winning such an award entails great expectations. Hence, we will continue to work hard to deliver on our commitments in all these areas.

Presence and Delivery Channels Enhanced

We continued to expand our branch network in FY2009. Bank Islam now has 100 branches with the addition of five new branches in Selangor (Ampang, Kelana Jaya, Kota Damansara, Putra Heights and Saujana Utama), two in Sabah (Sandakan and Karamuning), one in Pahang (Kuantan) and another two in Federal Territory, Kuala Lumpur (Wangsa Maju and Bukit Damansara). An extensive branch network helps strengthen Bank Islam's market presence while providing greater accessibility and convenience to our customers.

FY2009 also saw us sustaining the momentum of our branch rationalisation exercise and redefining our business direction in order to enhance our delivery outreach and standards. Sixteen of our existing branches were relocated to more strategic business growth areas while 45 branches were remodelled to portray a fresh, new look. We also continued to aggressively promote our alternative delivery channels including our Internet banking, mobile banking and 730 self-service terminals which include auto-teller machines, cash deposit machines, cheque deposit machines and statement printers.

I am also pleased to report the successful opening of Bank Islam's first two bureau de change ("BDC") outlets – one within the Low Cost Carrier Terminal at the Kuala Lumpur International Airport, and another in Karamuning, thereby broadening our retail foreign currency services capability.

Pengiktirafan ini merupakan satu penghormatan kepada Bank. Kami ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang berkepentingan atas kepercayaan, komitmen, rasa hormat dan sokongan mereka. Dengan memenangi anugerah seperti ini, harapan yang diletakkan terhadap Bank semakin tinggi. Justeru, kami beriltizam untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam kesemua aspek tersebut.

Peningkatan Kehadiran dan Saluran Penyampaian

Rangkaian cawangan Bank terus diperluaskan pada TK2009. Kini Bank Islam mempunyai 100 cawangan lanjutan dengan penambahan lima cawangan baharu di Selangor (Ampang, Kelana Jaya, Kota Damansara, Putra Heights dan Saujana Utama), dua di Sabah (Sandakan dan Karamuning), satu di Pahang (Kuantan) dan dua lagi di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (Wangsa Maju dan Bukit Damansara). Rangkaian cawangan yang meluas membantu memperkukuh kehadiran Bank Islam dalam pasaran, di samping menyediakan akses dan kemudahan yang lebih baik kepada pelanggan.

TK2009 juga menyaksikan usaha Bank mengekalkan momentum rasionalisasi cawangan dan penakrifan semula arah tuju niaga demi meningkatkan jangkauan dan piawai penyampaian kami. Enam belas daripada cawangan sedia ada dipindahkan ke kawasan perniagaan yang lebih strategik sementara 45 cawangan lain telah melalui pemodelan semula bagi penampilan baharu yang lebih segar. Bank juga terus aktif dalam mempromosi saluran penyampaian, merangkumi saluran perbankan Internet, perbankan mudah alih dan 730 terminal layan diri meliputi mesin teler automatik, mesin deposit tunai, mesin deposit cek dan pencetak penyata.

Dengan sukacitanya juga saya ingin melaporkan pembukaan ulang dua biro tukaran wang asing atau *bureau de change* ("BDC") Bank Islam – satu di Terminal Kos Tambang Murah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan satu lagi di Karamuning. Ini memperluas keupayaan perkhidmatan mata wang asing runcit Bank Islam.

Chairman's Statement Pernyataan Pengerusi



Human Capital and IT Infrastructure Strengthened

To further strengthen Bank Islam's human capital, a structured Leadership and Succession Planning Programme has been developed. It aims to ensure that our most valuable asset – our people, the current and future leaders – are able to execute the Bank's business strategy and drive business results in the most efficient and effective manner. This programme focuses on nurturing the right candidates and prepares them to tackle challenges within and outside the organisation. Over the course of the financial year, three of our Senior Management members participated in the Harvard Business School Alumni Club of Malaysia's 3rd ASEAN Senior Management Development Programme.

We also initiated several IT infrastructure projects involving enhancements to our core banking, risk management and financial collection systems. We are now in the second phase of our core banking system development which aims to improve the Bank's operations.

Business Growth Measures Initiated

FY2009 also saw us undertaking several other initiatives to steer business growth ahead. We introduced several innovative products and services including the *An Najah NID-i*, a healthcare-based capital protected structured investment product and the *Al-Awfar*, first-of-its-kind savings-i and investment-i account which rewards customers with cash prizes.

We are now in the second phase of our core banking system development which aims to improve the Bank's operations.

Kini Bank berada di fasa kedua pembangunan sistem perbankan teras yang bertujuan meningkatkan keupayaan operasi Bank.

Penguatan Modal Insan dan Prasarana Teknologi Maklumat ("IT")

Modal insan Bank Islam terus diperkukuh dengan pembangunan Program berstruktur Kepimpinan dan Perancangan Pewarisan. Ia bertujuan memastikan aset Bank yang paling bernilai – warga kerja Bank Islam, pemimpin sedia ada dan pemimpin masa depan – mampu melaksanakan strategi niaga Bank dan memacu matlamat perniagaan dengan cekap dan berkesan. Program ini

menitikberatkan usaha memupuk calon yang bersesuaian dan menyediakan mereka untuk berhadapan dengan cabaran di dalam dan di luar organisasi. Dalam tempoh tahun kewangan ini, tiga daripada ahli Pengurusan Kanan Bank menyertai Program Pembangunan Pengurusan Kanan ke-3 ASEAN anjuran Kelab Alumni Fakulti Perniagaan Harvard.

Bank juga memulakan beberapa projek prasarana IT yang melibatkan penambahbaikan sistem bagi perbankan teras, pengurusan risiko dan pungutan kewangan. Kini Bank berada di fasa kedua pembangunan sistem perbankan teras yang bertujuan meningkatkan keupayaan operasi Bank.

Langkah-langkah Pertumbuhan Perniagaan

TK2009 juga menyaksikan pelaksanaan beberapa inisiatif lain bagi memacu pertumbuhan perniagaan. Bank memperkenalkan beberapa produk dan perkhidmatan inovatif termasuk *An Najah NID-i*, suatu produk pelaburan berstruktur berasaskan penjagaan kesihatan dengan jaminan perlindungan modal dan *Al-Awfar*, iaitu akaun simpanan-i dan akaun pelaburan-i yang pertama seumpamanya menawarkan hadiah wang tunai.



CORPORATE GOVERNANCE

Bank Islam's Board of Directors is committed to upholding the principles of integrity, transparency and accountability in all of the Group's business practices and activities. We have set in place strict internal and external controls as well as a risk management framework in line with best practices in corporate governance. Being a service-oriented organisation, our employees are required to conduct themselves in a professional manner in all their dealings with the Bank's stakeholders. Our commitment to corporate governance best practices is outlined in the Statement on Corporate Governance and other related reports found in the relevant sections of this Annual Report.

Being an Islamic bank, having an esteemed Shariah Supervisory Council ("the Council") is the foundation of our Shariah governance framework. The Council's main task is to advise the Board and the Management on all Shariah matters. The Council's responsibilities also include reviewing and endorsing all Shariah related policies and guidelines as well as endorsing and validating the relevant documentation relating to new product and service offerings.

CORPORATE RESPONSIBILITY

Being a responsible, caring and compassionate corporate citizen, Bank Islam is committed to carrying out corporate responsibility activities and initiatives. This is to create value as well as ensure sustainable development for the Bank and the communities or environment within which we operate. We also encourage further progress of Islamic finance, support educational development and help elevate the well-being of the community, all of which are essential

TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah Bank Islam beriltizam menjunjung prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam semua amalan dan aktiviti niaga Kumpulan. Bank telah mewujudkan mekanisme kawalan dalaman dan luaran yang ketat serta rangka kerja pengurusan risiko sejajar dengan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat. Sebagai sebuah organisasi berorientasikan perkhidmatan, adalah menjadi kewajipan kakitangan Bank untuk bersikap profesional dalam semua urusan mereka dengan pihak berkepentingan. Komitmen kami kepada amalan terbaik tadbir urus korporat digariskan dalam Pernyataan Tadbir Urus Korporat dan laporan berkaitan lain yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini.

Sebagai sebuah bank Islam, Majlis Pengawasan Syariah ("Majlis") yang dihormati dan disegani menjadi asas rangka kerja tadbir urus Syariah kami. Memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Pengarah dan barisan Pengurusan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Syariah merupakan tugas utama Majlis ini. Tanggungjawab Majlis juga termasuk mengkaji semula dan mengesahkan semua polisi dan garis panduan yang berkaitan dengan Syariah serta mengesahkan dokumentasi yang berhubung kait dengan produk dan perkhidmatan baharu yang ditawarkan.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, prihatin dan penyayang, Bank Islam komited untuk melaksanakan aktiviti dan inisiatif tanggungjawab korporat. Ini bertujuan untuk memberi manfaat serta memastikan pembangunan yang mampan bagi Bank dan komuniti atau persekitaran di mana Bank beroperasi. Bank juga menggalakkan kesinambungan perkembangan

Chairman's Statement Pernyataan Pengerusi



components of Bank Islam's corporate responsibility undertakings. In FY2009, Bank Islam made zakat payments of RM4.8 million apart from other donations and sponsorships of close to RM0.7 million. Indeed, FY2009 saw us undertaking various Corporate Responsibility initiatives aimed at fulfilling these objectives, the details of which can be found in the Corporate Responsibility section of this Annual Report.

MOVING FORWARD

Entering the Sustainable Growth Phase

Following the successful completion of Bank Islam's Turnaround Plan as reflected by healthy profits that we achieved over three consecutive financial years, the Bank is now looking to embark on a three-year Sustainable Growth Plan ("SGP"). The SGP is building upon the solid foundations laid under the Turnaround Plan, especially in its last financial year and aligned with Bank Islam's vision to be a global leader in Islamic banking.

This new strategic blueprint consists of six pillars to step up business expansion and shift the Bank to a much faster and sustainable growth track. At the top of the list is business innovation followed by robust risk management. Then come the strengthening of our enabling infrastructure; capability and capacity building; franchise development; and last but not least, inorganic growth and corporate expansion.

With the SGP in place, Bank Islam plans to make the most of gradually improving economic conditions by broadening our revenue lines in the new financial year. To boost growth, we will focus particularly on the non-fund based income generating businesses of the Corporate Investment Banking, Treasury, Commercial Banking and Consumer Banking divisions.

keuangan Islam, menyokong pembangunan pendidikan dan membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti. Semua ini merupakan komponen penting bagi inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam. Sesungguhnya, Bank telah melaksanakan pelbagai inisiatif tanggungjawab korporat sepanjang TK2009 bagi memenuhi semua objektif ini. Pada TK2009, Bank Islam membayar zakat sebanyak RM4.8 juta selain membelanjakan hampir RM0.7 juta untuk menderma dan menaja aktiviti tanggungjawab korporat. Butiran selanjutnya terkandung dalam bahagian Tanggungjawab Korporat Laporan Tahunan ini.

MELANGKAH KE HADAPAN

Memasuki Fasa Pertumbuhan Mampan

Setelah berjaya menyempurnakan Pelan Pemulihan Bank Islam, terbukti dengan perolehan keuntungan yang memuaskan selama tiga tahun kewangan berturut-turut, kini Bank mengorak langkah dengan Pelan Pertumbuhan Mampan ("SGP") tiga tahun. Asas kukuh yang terbina daripada Pelan Pemulihan tersebut terutamanya pada tahun kewangan terakhir menjadi sandaran bagi SGP. Ini sejajar dengan visi Bank Islam untuk menjadi pemimpin global dalam perbankan Islam.

Rangka tindakan strategik baharu ini terdiri daripada enam tunggak untuk meningkatkan pengembangan perniagaan dan menganjakkan Bank ke landasan pertumbuhan yang lebih pantas dan mampan. Tunggak utama dalam inisiatif ini ialah inovasi perniagaan, diikuti oleh pengurusan risiko yang mantap. Seterusnya diikuti dengan pengukuhan prasarana yang kondusif, pembinaan kebolehan dan kapasiti, perluasan francais dan akhirnya pertumbuhan tak organik dan pengembangan korporat.

Dengan perlaksanaan SGP ini, Bank Islam merancang untuk mempelbagaikan sumber hasilnya pada tahun kewangan yang akan datang, lebih-lebih lagi dengan keadaan ekonomi yang semakin pulih. Sebagai pemangkin pertumbuhan, Bank akan memberi tumpuan terutamanya pada aktiviti bahagian Perbankan Pelaburan Korporat, Perbendaharaan, Perbankan Komersil dan Perbankan Pengguna yang menjana pendapatan berasaskan bukan dana.



Consumer Banking is expected to remain the Bank's key business driver. The division will focus on introducing more innovative consumer products related to the wealth management, retail foreign currency and package financing businesses while building up a quality house financing portfolio. At the same time, the Bank will strengthen its domestic presence with the support of a well-paced branch network expansion programme.

While continuing with our strategy of growing organically, we will, in line with the sixth pillar of the SGP, pursue inorganic growth and corporate expansion goals through mergers and acquisitions, strategic partnerships and white labelling initiatives. We will undertake white labelling efforts by offering the public in Malaysia or abroad Shariah-based financial products developed on a joint research and development basis between Bank Islam and our global strategic partners. To set in motion the corporate expansion mission, we will explore opportunities which are closer to home or where we already have a presence.

Overcoming Challenges, Seizing Opportunities

While Bank Islam has successfully endured the challenges of FY2009, we remain cautious about the outlook for FY2010. We are hopeful that increasing evidence of an economic turnaround as well as tentative improvements in business and consumer confidence will continue and turn into a long-lasting recovery. Despite these positive signs, we still foresee a rather challenging operating environment for the Group in FY2010.

Perbankan Pengguna dijangka kekal menjadi pemacu utama perniagaan Bank. Bahagian ini akan memberi tumpuan pada pengenalan lebih banyak produk pengguna yang inovatif berkaitan dengan pengurusan kekayaan, mata wang asing runcit dan pakej perniagaan pembiayaan, di samping meningkatkan kualiti portfolio pembiayaan rumah. Pada masa yang sama, Bank akan memperkukuh kehadirannya dalam pasaran menerusi program pengembangan rangkaian cawangan yang teratur.

Di samping meneruskan strategi pertumbuhan organik, kami menyasarkan pertumbuhan bukan organik dan pengembangan korporat melalui penggabungan dan pengambilalihan, perkongsian strategik dan inisiatif *white labelling*. Bank akan menjalankan usaha *white labelling* dengan menawarkan kepada orang ramai di dalam dan di luar negara produk kewangan berlandaskan Syariah yang dihasilkan melalui kajian dan pembangunan bersama antara Bank Islam dan rakan strategik globalnya. Sebagai permulaan misi pengembangan korporat, Bank akan meneroka peluang yang terdapat di rantau ini atau di mana Bank telah bertapak.

Mengatasi Cabaran dan Memanfaatkan Peluang

Walaupun Bank Islam berjaya mengatasi cabaran pada TK2009, kami tetap berhati-hati dengan prospek TK2010. Kami berharap tanda-tanda pemulihan ekonomi yang semakin ketara serta tanda-tanda awal peningkatan terhadap keyakinan perniagaan dan pengguna, akhirnya akan menjadi pemulihan yang berpanjangan. Sungguhpun begitu, Bank meramalkan persekitaran operasi yang mencabar bagi Kumpulan pada TK2010.



Chairman's Statement Pernyataan Pengerusi



Moving forward, Bank Islam will continue to adopt a cautious approach to the management of the asset quality of our business units. We will also explore strategic collaboration deals with the right business partners. Where there are challenges to overcome, we will be firm in facing these challenges. Where there are opportunities to leverage on, we will undertake the necessary due diligence to protect shareholder interests. Despite our guarded optimism for the future, we still expect Bank Islam to beat the odds and perform satisfactorily in FY2010.

ACKNOWLEDGEMENTS

On behalf of the Board of Directors, I wish to express my heartfelt thanks to Bank Islam's loyal customers. Our success would not have been possible without their trust and confidence in us. To our business partners, suppliers and the regulatory authorities, in particular Bank Negara Malaysia, please accept my utmost gratitude for their relentless support of the Group.

I would attribute much of our performance to date to the hard work, perseverance and dedication of Bank Islam's Management team and employees, each of whom has played an important role in helping us stand where we are today. I trust that the Management team and employees will continue to demonstrate a spirit of excellence and courage during these challenging but exciting times.

My sincere appreciation also goes to my colleagues on the Board and members of the Shariah Supervisory Council for their insights, wisdom and guidance in helping steer Bank Islam on a steady course.

Pada masa hadapan, Bank Islam akan terus mengambil pendekatan yang berhati-hati dalam pengurusan kualiti asetnya. Bank juga akan meneroka peluang kerjasama strategik dengan rakan perniagaan yang sesuai. Bank bersedia menempuh sebarang cabaran mendatang di samping memanfaatkan sebarang peluang setelah melaksanakan ketekunan wajar bagi melindungi kepentingan pemegang saham. Kami berwaspada walaupun optimis mengenai masa depan Bank. Bank dijangka mampu mengatasi segala cabaran dan mempamerkan prestasi yang memuaskan pada TK2010.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelanggan-pelanggan Bank Islam yang setia. Kejayaan kami tidak mungkin tercapai tanpa kepercayaan dan keyakinan pelanggan. Kepada rakan perniagaan, pembekal dan pihak berkuasa kawal selia, khususnya Bank Negara Malaysia, kami amat terutang budi atas sokongan yang berterusan.

Prestasi Bank sehingga kini adalah hasil daripada kerja kuat, ketabahan dan dedikasi barisan pengurusan dan kakitangan Bank. Mereka telah memainkan peranan yang penting dalam membantu Bank mencapai kejayaan hingga ke tahap ini. Saya percaya barisan pengurusan dan kakitangan Bank akan terus menunjukkan semangat kecemerlangan dan ketabahan dalam keadaan yang mencabar dan menarik ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada rakan Lembaga Pengarah dan ahli Majlis Pengawasan Syariah atas wawasan, kebijaksanaan dan bimbingan dalam membantu mengemudi perjalanan lancar Bank Islam.



It is with much sadness that we report the demise of a valued member of our Shariah Supervisory Council. We at Bank Islam, acknowledge the significant contributions of Allahyarham Dr. Abdullah Hj. Ibrahim to the Group and the nation. Allahyarham Dr. Abdullah was a member of the Council from 1984 until he passed away on 26 January 2009.

On behalf of the Board, I wish also to record Bank Islam's sincere appreciation to Mr. Hashim Abdulla Ahmad Al-Dabal who resigned from the Board on 1 January 2009 and Dr. Asmak Ab. Rahman who resigned from the Council on 31 March 2009. We wish them the very best in their future undertakings. I would like to take this opportunity to welcome on board our new Director, Mr. Marwan Hassan Ali Al-Khatib, and our new Company Secretary, Puan Maria Mat Said, who were appointed on 1 and 29 January 2009 respectively. We look forward to their wise counsel and advice.

Last but not least, I wish to extend my deepest appreciation to our valued shareholders for their commitment to and confidence in Bank Islam over the years. We have accomplished much these past few years and I look forward to your continuous support as we embark on the next stage of sustainable growth in our mission for greater success, InshaAllah.

Dato' Mohd Bakke Salleh
Chairman

Kami juga amat sedih atas pemergian salah seorang ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank yang sangat dihargai. Kami di Bank Islam, mengiktiraf sumbangan besar yang diberikan oleh Allahyarham Dr. Abdullah Hj. Ibrahim kepada Kumpulan dan negara. Allahyarham merupakan ahli Majlis dari tahun 1984 hingga beliau kembali ke rahmatullah pada 26 Januari 2009.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Abdulla Ahmad Al-Dabai yang meletak jawatan daripada Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2009 dan Dr. Asmak Ab. Rahman yang meletak jawatan daripada Majlis pada 31 Mac 2009. Kita doakan agar mereka berjaya dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Pada masa yang sama, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pengarah baharu kita, Encik Marwan Hassan Ali Al-Khatib, dan Setiausaha Syarikat baharu kita, Puan Maria Mat Said yang dilantik masing-masing pada 1 dan 29 Januari 2009. Nasihat dan bimbingan daripada mereka amat dialu-alukan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham yang dihargai atas komitmen dan keyakinan mereka terhadap Bank Islam selama ini. Kita telah mencapai pelbagai kejayaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan saya mengharapkan sokongan padu yang berterusan daripada semua bagi memulakan perjalanan ke arah pertumbuhan mampan dalam misi kita menuju kejayaan yang lebih besar. InshaAllah.

Dato' Mohd Bakke Salleh
Pengerusi

